

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (46)

2 April 2026  
13 Syawal 1447

## PEKELILING AKADEMIK BIL. 4/2026

### LARANGAN PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK TANPA KELULUSAN

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menguatkuasakan keputusan Senat Universiti Bil 6/2025/2026 bertarikh 30 Mac 2026 bahawa semua fakulti, jabatan, institut dan pusat penyelidikan di universiti adalah **tidak dibenarkan** menawarkan sebarang program akademik tanpa kelulusan rasmi.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Universiti komited untuk memastikan semua program akademik yang ditawarkan memenuhi standard kualiti, keperluan semasa serta selaras dengan dasar pendidikan tinggi negara. Sehubungan itu, kawalan terhadap penawaran program akademik perlu diperkukuhkan.

#### 3.0 KETETAPAN

- 3.1 Semua fakulti, jabatan, institut dan pusat penyelidikan **dilarang sama sekali** menawarkan, mengiklankan atau melaksanakan mana-mana program akademik tanpa kelulusan terlebih dahulu.
- 3.2 Sebarang cadangan program akademik baharu hendaklah:
  - a) Mendapat kelulusan daripada **Senat Universiti**; dan
  - b) Memperoleh kelulusan daripada **Malaysia Qualifications Agency (MQA)**.
- 3.3 Kegagalan mematuhi ketetapan ini boleh menyebabkan tindakan pentadbiran diambil selaras dengan peraturan universiti yang berkuat kuasa.

#### 4.0 TUJUAN PENGUATKUASAAN

Ketetapan ini dilaksanakan bagi:

- a) Mengawal penawaran program akademik agar selaras dengan visi dan misi universiti;
- b) Memastikan pematuhan kepada standard kualiti akademik yang ditetapkan;

- c) Mengelakkan penawaran program yang tidak menepati keperluan universiti dan negara; dan
- d) Menjamin integriti dan reputasi akademik universiti.

## **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan.

## **6.0 PENUTUP**

Semua pihak adalah dimohon untuk mematuhi pekeling ini sepenuhnya. Kerjasama semua pihak amat dihargai bagi memastikan tadbir urus akademik universiti sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah Eksekutif/ Pengarah